

Yang Berbahagia,

Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Sambutan,
Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Jawatankuasa sambutan yang telah bersusah payah mengadakan perjumpaan pada pagi ini khusus untuk menyzebut kedatangan saya ke daerah ini.

2. Sungguhpun perjumpaan pada hari ini dihadiri oleh guru-guru bagi kawasan Johor Baharu Timur dan Barat, tetapi saya harap kesan-kesan daripada pertemuan ini dan pesanan-pesanan yang diberikan patutlah menjadi contoh dan meninggalkan kesan kepada kaum guru, bukan saja di negeri Johor, tetapi juga di seluruh Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

3. Sebagai bekas Menteri Pelajaran, saya merasa bangga dan bertuah kerana telah diamanahkan dengan tugas untuk melaksanakan dasar pelajaran kebangsaan. Tanggungjawab ini, saya rasa, telah dapat dilaksanakan berkat kerjasama, bantuan dan doa restu daripada kaum guru serta ibu bapa dan masyarakat umum. Pengalaman saya di sana sangat berharga sekali.

4. Kementerian Pelajaran di masa yang lepas menjadi Kementerian yang paling sukar sekali, oleh sebab ia sentiasa menghadapi masalah-masalah yang mempunyai hubungan langsung dengan politik, terutama masalah Bahasa.

5. Soal Bahasa di masa yang lepas diperincikan dari kacamata politik dan bukan

daripada masalah keperluan mempunyai satu Bahasa Kebangsaan dan bahasa perpaduan, yang sesuai dengan keperibadian bangsa serta menjadi alat perpaduan dan keharmonian kaum di negara ini.

6. Bagaimanapun, masalah Bahasa ini telah dapat diselesaikan dan meskipun masih ada golongan yang tidak dapat menerima hakikat ini, pada umumnya soal Bahasa ini tidak menjadi 'issue' yang terbesar lagi.

7. Landasan bagi dasar pelajaran telah dapat diperkukuhkan dan saya yakin bahawa tugas melaksanakan dasar pelajaran kebangsaan akan dapat diteruskan oleh Pengganti saya, Tuan Haji Mohamed Yaakub.

8. Bercakap mengenai Bahasa Kebangsaan, dasar menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa

pengantar sepenuhnya di sekolah-sekolah akan terlaksana dalam tahun 1982, Kerajaan tidak berganjak dengan keputusan ini. Rakyat Malaysia dari semua keturunan patutlah menerima hakikat ini sebagai satu realiti hidup dan menyesuaikan diri dengan keperluan negara ini.

9. Sungguhpun ada terdapat kekurangan dalam melaksanakan dasar ini, tetapi alat-alat Kerajaan ^{tersebut} dikerah sepenuhnya untuk memenuhi segala keperluan yang berbangkit.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan.

10. Masalah pelajaran seperti yang dihadapi oleh guru-guru sekarang bukanlah semata-mata untuk menyampaikan pengetahuan kepada murid-murid.

11. Guru-guru adalah satu sektor masyarakat yang terpenting di negara kita. Negara memerlukan mereka kerana merekalah yang terlibat langsung dalam mencorakkan anggota masyarakat. Oleh itu, kaum guru patutlah menerima hakikat ini dengan semangat ingin berkhidmat.

12. Dalam pada itu, masih ada sebahagian guru yang menganggap tugas mereka sebagai satu mata pencarian hidup. Tetapi yang sangat penting dari konteks negara kita yang membangun, dari konteks negara yang ingin maju berdasarkan prinsip-prinsip Rukunegara, guru-guru mempunyai peranan sebagai pembentuk dan mengeluarkan anggota masyarakat yang bertanggungjawab serta boleh memberi manfaat kepada masyarakat, bangsa dan negara.

13. Kanak-kanak yang masuk belajar di sekolah pada masa ini akan menghadapi realiti kehidupan dalam kurun ke 21. Keadaan pada zaman itu tidak dapat kita ramalkan akan bentuk dan coraknya.

14. Persaingan hidup sudah pasti akan menjadi lebih giat dan kuat. Jenerasi kaum guru yang ada pada hari ini mungkin tidak akan dapat hidup dalam tempoh itu kelak. Oleh yang demikian, perlulah diingat bahawa sebarang benih yang ditanam oleh kaum guru di dalam otak dan fikiran kanak-kanak serta asuhan yang diberikan hanya akan cambah dan membesar 20 tahun yang akan datang.

15. Ibarat kata pepatah, "Benih yang baik, kalau jatuh ke laut akan menjadi pulau". Tetapi, sebaliknya, benih yang buruk yang

disemai atau ditanam akan cabang dan tumbuh di tengah-tengah masyarakat sebagai kuman yang menjalar dan menular.

16. Negara kita, pada masa ini, sedang menghadapi kekurangan guru yang terlatih, khususnya guru-guru yang berkebolehan untuk mengajar Bahasa Malaysia. Kekurangan guru ini adalah disebabkan oleh desakan dan keperluan pendidikan yang paling besar pernah dihadapi oleh negara. Hal yang seperti ini adalah menjadi masalah biasa bagi negara yang membangun. Lebih-lebih lagi Malaysia telah menekankan perlunya mewujudkan satu masyarakat yang berlandaskan sains dan teknologi. Oleh itu, Kerajaan berazam untuk mengatasi kekurangan ini dengan beberapa cara.

17. Kementerian Pelajaran telahpun menjalankan proses untuk mengambil sebilangan

besar guru baru untuk dilatih dalam bidang pengajaran Bahasa Malaysia. Sebaik sahaja pengambilan tersebut dijalankan, guru-guru itu akan diberi latihan selama dua tahun untuk membolehkan mereka menjalankan tugas yang sedang mendesak.

18. Sementara itu, guru-guru yang berijazah, terutama guru-guru Melayu yang pada masa ini digunakan khusus mengajar Bahasa Malaysia akan ditempatkan di pusat-pusat atau sekolah supaya keahlian mereka dapat dipergunakan sepenuhnya. Ini akan membolehkan guru-guru tersebut menjalankan peranan yang lebih berkesan dalam perkembangan pelajaran sekarang.

19. Satu skim rancangan latihan semasa berkhidmat ~~service~~ ~~experience~~ ~~training~~ ~~intake~~ juga 'Pre-

dalam masa cuti sekolah yang akan datang. Seramai 36,000 guru-guru adalah terlibat dalam latihan ini, dan Kerajaan akan membelanjakan sejumlah \$3.5 juta untuk rancangan tersebut.

20. Latihan ini bukan saja untuk melatih guru-guru dalam beberapa bidang pengajaran seperti kursus Bahasa Malaysia, sains, ilmu hisab moden, ilmu perpustakaan, sains rumah tangga dan lain-lain tetapi juga kursus untuk guru-guru agama, guru besar, pentadbir sekolah dan lain-lain.

21. Dengan sekian latihan ini, saya yakin, guru-guru akan dapat diperlengkapkan dengan kaedah mengajar cara moden, di samping membolehkan mereka menghadapi murid-murid dengan lebih teratur dan penuh keyakinan.

guru untuk berjaya dan sanggup berkhidmat di mana-mana juga tanpa mengira akan ..10
kepentingan diri.

21. Kementerian Pelajaran, saya percaya, Tuan-Tuan sekalian.

22. Saya masih ingat semasa menjadi Menteri Pelajaran dulu, sering benar menghadapi masalah-masalah guru, terutama sekali bersabit dengan soal pertukaran dari satu tempat ke satu tempat. Menang telah menjadi kelaziman bagi guru-guru ataupun pegawai-pegawai dalam mana-mana perkhidmatan Kerajaan, ingin berkhidmat di tempat-tempat yang senang serta mempunyai kemudahan-kemudahan.

23. Tetapi dengan dasar Kerajaan ingin mengiebangkan kedudukan bandar dan luar bandar, masalah pertukaran ini patutlah diterima sebagai satu cabaran kepada kaum guru untuk berjasa dan sanggup berkhidmat di mana-mana juga tanpa mengira akan kepentingan diri.

24. Kementerian Pelajaran, saya percaya, telah mengaturkan supaya pertukaran tersebut berjalan untuk satu-satu tempoh tertentu dan tiap-tiap guru mesti terlibat didalamnya.

25. Guru-guru, khususnya, patutlah menunjukkan semangat dedikasi dan sedia berkhidmat guna meninggalkan jasa sebagaimana halnya dengan jenerasi guru di masa lepas yang bukan saja dapat memberikan pelajaran kepada kanak-kanak, tetapi dapat pula menabur bakti memberi kesedaran dan keinsafan terhadap masyarakat untuk memperbaiki nasib dialami bangsa dan negara.

26. Profession guru adalah di antara yang termulia dan setiap guru patut mempunyai 'self-respect' dalam bidang ini. Dan dengan ini juga rakyat akan dapat memberikan rasa hormat dan sanjungan tinggi kepada mereka.

27. Akhir kata, saya ingin memberikan penghargaan dan terimakasih kepada tuan-tuan atas sambutan yang diberikan ini. Dan sungguhpun saya tidak lagi berada di Kementerian Pelajaran, tetapi ingatan manis saya sebagai tempat pertama memulakan pengalaman dalam Kerajaan semenjak merdeka, akan sentiasa tertanam di lubuk hati saya.

28. Dengan kenangan ini, serta dengan keazaman untuk terus berkhidmat, saya akan terus membukakan pintu pejabat saya, bukan sahaja untuk kaum guru tetapi untuk semua lapisan dan golongan masyarakat di negeri ini.



No.

No.

27. Akhbar kata, saya ingin memberitahu
 pengharapan dan terimakasih kepada tuan-tuan
 atas sambutan yang diberikan ini. Dan
 mengucapkan saya tidak lagi berada di
 Kementerian Pelajaran, tetapi ingin menulis
 saya sebagai pejabat perantara urusan
 pengurusan dalam kerajaan sebagai berikut,
 akan sentiasa tertunas di pihak hati saya.

28. Dengan kerangka ini, saya dengan
 kesungguhan untuk terus berkhidmat, saya akan
 terus membuatkan pinta pejabat
 sedia untuk bekerjasama dengan
 jabatan dan kumpulan saya
 ini.



No. Siri	561
No. Penerimaan	73/79